

1MDB: Dedah kenapa kertas siasatan ditolak

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB

KLANG – PKR mendesak Jabatan Peguam Negara memperincikan dan mendedahkan punca kertas siasatan ke atas Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak diteruskan kepada rakyat Malaysia.

Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali berkata, rakyat memerlukan penjelasan penuh berhubung isu 1MDB memandangkan ia membabitkan jumlah wang yang besar.

“Bank Negara telah mencadangkan supaya jenayah 1MDB itu mesti didakwa tetapi malangnya Jabatan Peguam Negara tidak berhasrat meneruskan pendakwaan.

“Oleh itu, sekarang ada desakan supaya Jabatan Peguam Negara menjelaskan mengapa kertas siasatan ini tidak diteruskan dengan pendakwa-

an kerana ia melibatkan jumlah wang begitu besar dan boleh meruntuhkan sistem ekonomi negara,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Taman Perindustrian Pulau Indah Fasa 3C dan Pulau Indah Food Station di sini, semalam.

Sebelum ini, Jabatan Peguam Negara memutuskan bahawa 1MDB tidak melakukan kesalahan dan mengarahkan tiada tindakan diambil.

Susulan itu, Bank Negara bertindak membatalkan tiga kebenaran yang diberikan kepada 1MDB di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (ECA) terhadap pelabur-



MOHAMED AZMIN

an di luar negeri bernilai AS\$1.83 bilion (RM7.52 bilion).

Sementara itu, Mohamed Azmin terus menyimpan keyakinan bahawa suatu hari nanti Pas akan terbuka hati menyertai parti sekutu lain dalam Pakatan Harapan.

“Saya percaya DAP, Pas dan Amanah termasuk PKR boleh bekerjasama menjaga kebajikan rakyat dan negara.

“Kepimpinan setiap parti mempunyai kebijaksanaan dan rendah diri untuk menerima perbezaan sesama sendiri.

“Saya yakin akhir nanti kita akan dapat bekerjasama menentang rejim rasuah ini,” katanya.